

TAHAP PENERIMAAN MASYARAKAT ORANG ASLI TERHADAP PEMILIKAN TANAH BERSTATUS GERAN

(Level of Acceptance of Indigenous Community for Land Ownership Grant Status)

Siti Aishah Suhana Mohd Niza & Azima Abdul Manaf

ABSTRAK

Orang Asli merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat Malaysia. Masyarakat Orang Asli mempunyai hak dan keistimewaan tersendiri seperti yang terkandung di dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Di samping itu, pemilikan tanah dirujuk secara meluas iaitu meliputi hak dan kepentingan pemilik tanah, penerima pajakan tanah rizab atau pemegang lesen untuk menduduki tanah kerajaan. Mereka dianggap sebagai pemilik tanah dan mempunyai hak penggunaan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 44 dan seksyen 45 Kanun Tanah Negara. Namun isu yang berkait dengan pencerobahan dan pembangunan tanah orang Asli telah menyebabkan tanah rayau untuk orang Asli semakin merosot. Keadaan ini menggambarkan wujud kelemahan dalam peruntukan undang-undang tanah yang sedia bagi masyarakat orang Asli. Hal ini kemudiannya telah mendorong kepada cadangan keperluan pemilikan bagi tujuan menjaga keselamatan pemilikan tanah orang Asli. Sehubungan itu kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap penerimaan Orang Asli terhadap pemilikan tanah bergeran. Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah kuantitatif telah digunakan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 60 orang responden utama iaitu masyarakat Orang Asli Kg. Sg. Buah dan Kg. Jenderam Hilir, Sepang Selangor. Hasil kajian mendapati tahap penerimaan orang Asli terhadap tanah bergeran adalah yang tinggi. Hal ini jelas apabila tahap penerimaan masyarakat orang Asli terhadap tanah bergeran didapati dipengaruhi oleh faktor dalam sosiobudaya, persekitaran, ekonomi dan identiti. Namun demikian Orang Asli memerlukan pemahaman dan penelitian yang lebih terperinci berkenaan pemberi milikan tanah bergeran tanpa sebarang unsur yang dimanipulasi sebelum ianya diterima secara sebulat suara.

Kata kunci: Pemilikan tanah, status tanah, tanah bergeran, orang Asli, Akta 134

ABSTRACT

Orang Asli is part of Malaysian citizens. Orang Asli community has their own rights and privilege as contained in Orang Asli Act (Act 134), dan Malaysian Federal Constitution. Other than that, the land ownership was referred widely which covered the rights and the importance of land ownership, reserved lands receiver or license holder to stay on government lands. They were considered as the lands' owner and have the privilege to use it as stated in Section 44 and Section 45 in the state land code. Accordingly, this study aims to analyze the level of acceptance of Orang Asli towards land ownership. To achieve the objectives, quantitative methods were used by distributing questionnaires to 60 respondents from Sungai Buah village and Jenderam Hilir village, Sepang Selangor. The results of the study found that the level of acceptance of the Aboriginal people to grant land is high. This is

clear when the level of acceptance of Indigenous peoples towards land grants is found to be influenced by factors in socio-cultural, environmental, economic and identity. The research result found that the state of agreement was high towards the granted land ownership. Orang Asli need the understanding and detailed information about the granted land ownership without any manipulated details before it is accepted by all.

Keywords: Land ownership, land status, land grants, Aboriginal people, Act 134

PENGENALAN

Komuniti Orang Asli merupakan sebuah masyarakat minoriti pribumi yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Masyarakat ini tinggal di kawasan yang terpencil dan masih mengamalkan cara hidup yang dilihat banyak menjurus kepada unsur alam, dan amalan ritual yang diwarisi oleh nenek moyang mereka (Maryati Mohamed et. Al, 2013). Takrifan Orang Asli di dalam Perlembagaan Malaysia seperti mana yang telah termaktub dalam Perkara 106(2) yang menjelaskan bahawa Orang Asli adalah Orang Asal yang tinggal di Semenanjung Tanah Melayu. Definisi "Orang Asli" telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia bagi mengubah istilah "*Obrogines*" atau Sakai. Penjenamaan semula masyarakat Orang Asli adalah bertujuan untuk mengiktiraf kembali masyarakat ini sebagai penduduk pribumi yang paling awal tinggal di negara ini. Orang Asli di Semenanjung Malaysia boleh dibahagikan kepada 19 sub-kumpulan. Walau bagaimanapun jumlah kumpulan ini telah dikecilkan kepada 3 suku kaum utama dan mempunyai populasi yang tinggi di Malaysia antaranya ialah Negrito, Senoi dan Melayu-Proto yang juga dikenali sebagai "Melayu Asli". (JAKOA, 2013).

Selain itu, kejayaan ekonomi relatif yang dicapai oleh Malaysia selepas tahun 1980 dan 1990 telah memberi tekanan terhadap Orang Asli terutamanya dari aspek hak ke atas tanah yang di diami. Hal ini dikatakan demikian kerana, kawasan petempatan masyarakat ini telah ditebus guna sebagai sebuah ladang, kilang-kilang dan perkembangan pembangunan lain yang kian rancak membangun, sehingga membiarkan tanah adat tersebut di ambil tanpa sebarang pampasan (Refworld, 2013). Justeru itu, perundangan utama yang sedia ada berkaitan dengan Orang Asli iaitu Akta Orang Asli 1954 dilihat terlalu lemah dalam melindungi hak dan kepentingan masyarakat minoriti terutamanya dalam isu yang berkaitan dengan pemilikan tanah. Kurang daripada 20% jumlah kampung Orang Asli yang telah diwartakan sebagai kawasan ataupun Rizab. Akta Orang Asli hanya menyediakan kemudahan infrastruktur atau hak untuk menggunakan tanah dan sumbernya sepertimana yang terkandung di dalam Akta 134 yang menyentuh berkenaan Rizab Orang Asli.

Pada masa kini, isu dan hak pemilikan tanah Orang Asli semakin mendapat liputan sehingga menimbulkan beberapa permasalahan antara komuniti Orang Asli dan pihak-pihak yang terlibat. Antara permasalahan yang sering kali timbul adalah berkenaan dengan pencerobohan kawasan Rizab Orang Asli. Masalah ini telah membawa kepada pertikaian yang berlarutan sehingga mencetuskan kebimbangan serta perasaan tidak puas hati masyarakat orang Asli. Tambahan pula ada juga beberapa pindaan yang dibuat terhadap Akta 134 telah dipinda tanpa pengetahuan masyarakat Orang Asli sebagai pihak berkepentingan. Keadaan ini telah mengakibatkan Orang Asli berdepan dengan kehilangan sebahagian besar tanah adat iaitu kira-kira 645,000 hektar tanah. Hal ini menggambarkan ketidakcekapan dan kelemahan dalam pentadbiran Orang Asli, situasi ini telah menjadi faktor yang mendorong kepada keperluan pemilikan tanah (Malaysia Kini 2013). Keadaan

ini telah menyebabkan kebangkitan orang Asli bagi menuntut hak mereka terhadap tanah dengan tujuan untuk mengekalkan dan melindungi kepentingan dengan memberi pengiktirafan terhadap tanah yang mereka diami (Colchester et al. 2001). Permasalahan ini jelas menunjukkan kelemahan Akta 134 sehingga membangkitkan isu berkenaan persepsi masyarakat Orang Asli terhadap pemilikan tanah berstatus geran bagi mengekalkan hak dan pemilikan tanah komuniti orang Asli (Anthony 2005). Oleh itu, artikel ini telah mendapatkan penerimaan orang Asli terhadap pemilikan tanah berstatus geran.

KAJIAN LEPAS

Pembangunan telah menjadikan masyarakat Orang Asli kehilangan tanah adat yang dianggap sebagai tanah keramat kerana tanah tersebut merupakan hasil peninggalan nenek moyang yang penuh dengan tradisi yang tersendiri. (Seow 2013). Masalah pengambilan hak milik tanah komuniti Orang Asli ini telah didorong oleh faktor perubahan sosial. Kajian oleh Griffiths & Jean (2014), telah memperincikan perihal berkenaan mencari keadilan dan hak keselamatan tanah yang didiami oleh masyarakat minoriti Orang Asli. Intipati penulisan tersebut ada menyebut tentang pengambilan wilayah Orang Asli oleh golongan pemerintah kerana pencabulan hak tersebut telah didorong oleh Dasar Guna Tanah yang diamalkan di sesebuah negara. Dasar guna tanah tersebut telah memberi fokus kepada penjajahan di kawasan pedalaman iaitu kawasan penempatan Orang Asli yang belum diterokai dan mempunyai pasaran yang luas jika dilihat dari sudut ekonomi. Hal ini dikatakan demikian kerana, sudah pastinya kawasan penempatan minoriti ini kaya dengan khazanah alam semulajadi seperti pertanian dan perlombongan. Pihak berkuasa berhak mengambil tanah tersebut bagi tujuan pembangunan dan masyarakat Orang Asli tidak mempunyai hak bagi membantah pengambilan rizab yang telah diwartakan oleh kerajaan.

Selain itu, terdapat kajian yang menyentuh isu pengambilan tanah adat Orang Asli ini didorong oleh faktor pembangunan ekonomi samada kerajaan ataupun pihak swasta. Hal ini terjadi kerana hak-hak Orang Asli ke atas tanah tidak digubal secara formal dalam undang-undang Malaysia (SUHAKAM 2012). Malahan akta yang sedia ada bagi melindungi hak dan kepentingan Orang Asli sentiasa dipinda mengikut kesesuaian dan perubahan masa. Oleh hal yang demikian, pemilikan tanah hanya diberikan kepada individu yang mendaftarkan tanah di pejabat pendaftaran tanah dalam sistem pendaftaran mengikut undang-undang tanah Malaysia dan urusan berkaitan tanah masyarakat ini hanya diletakkan di bawah kendalian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kerajaan negeri juga berkuasa untuk mengambil sebarang tanah milik Orang Asli sebagaimana yang terkandung di dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486).

Selain itu pergantungan orang Asli terhadap keperluan pemilikan tanah juga didorong oleh tiga faktor utama iaitu sosiobudaya, persekitaran dan ekonomi masyarakat Orang Asli yang terlibat (Zainal Zulhilmi 2015). Oleh itu, pengiktirafan hak milik masyarakat Orang Asli terhadap tanah adalah penting bagi memberi peluang kepada pembangunan dan keseimbangan budaya serta pengetahuan tradisi masyarakat Orang Asli. Selain itu, kepentingan tanah yang menjadi sumber utama bagi semua hidupan dalam konteks perlindungan, sumber makanan dan air telah menjadi faktor pendorong kepada pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat Orang Asli kerana peningkatan jumlah penduduk hari ini telah menyebabkan tanah menjadi sumber yang terhad dan semakin berharga untuk dimiliki. Oleh itu, isu pengambilan tanah Orang Asli yang sering berlaku kesan daripada pembangunan yang dilaksanakan melalui aktiviti pembalakan dan perladangan, kuir, dan

juga pembinaan kawasan perumahan yang boleh dilihat dari aspek ekonomi ini telah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan masyarakat Orang Asli sekaligus mendesak masyarakat ini menuntut hak dan keperluan pemilikan tanah.

Isu yang membabitkan pencabulan hak tanah dan diskriminasi ke atas masyarakat minoriti Orang Asli telah membawa kepada faktor mendorong keperluan pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat orang Asli (Vijeyasari & Mazliza Mohamad 2017). Situasi ini telah membawa kepada kronologi yang berkaitan dengan penyingkiran hak dan penafian budaya terhadap orang Asli merupakan penjaga kepada tanah adat mereka. Keadaan ini menjelaskan bahawa diskriminasi hak Orang Asli ke atas tanah berlaku akibat lemahnya pengetahuan tentang hak mereka sendiri dan menyeru agar kerajaan meminda kembali akta tanah 134 supaya masyarakat ini lebih jelas berkenaan hak tersebut yang dapat menjadi pendorong kepada keperluan pemilikan tanah. Selain itu, JAKOASM (2016) juga turut menjelaskan bahawa wilayah hak tanah adat Orang Asli juga sering berhadapan dengan kemelut pewartaan hutan bagi tujuan pengeluaran pembalakan, perlindungan alam dan hidupan liar yang mengakibatkan terhakisnya hak tanah adat masyarakat ini (JAKOASM 2016). Situasi ini menyebabkan Orang Asli diancam oleh proses pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri bagi pelbagai tujuan termasuklah untuk pembinaan prasarana termasuk empangan dan lebuh raya. Keadaan ini jelas menunjukkan faktor utama yang mendorong perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh kandungan undang-undang yang gagal di tafsir dan difahami akan sifat-sifat hak tanah adat yang sebenar sehingga menjejaskan hak tanah adat Orang Asli. Walaupun Akta Orang Asli 1954 ada membuat pewartaan rizab Orang Asli dan kawasan Orang Asli sering dipergiatkan JAKOA, ternyata segala pewartaan pemuliharaan alam, pengambilan tanah dan pemberian hak milik adalah di bawah bidang kausa Kerajaan Negeri. Akibatnya, masyarakat Orang Asli yang berhadapan dengan masalah pencabulan dan pencerobohan hak tanah ini telah memaksa mereka untuk mendapatkan penyelesaian daripada Pejabat Perhutanan dan Pejabat Tanah dan Galian yang berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri bagi mendapatkan maklumat yang jelas berkenaan pemilikan tanah Orang Asli.

Kajian oleh Dhaniah Ahmad Fadillah (2019), menyatakan perkara berkaitan pembangunan tanah oleh pihak berkuasa, bayaran pampasan, kelewatan bayaran pampasan, dan hak tanah yang dibangkitkan oleh masyarakat Orang Asli merupakan isu yang sering kali disuarakan oleh masyarakat ini. Hal ini kerana pampasan yang diberikan oleh pihak pemaaju adalah tidak mencukupi bagi menggantikan kerugian yang dialami sehingga memaksa mereka menggunakan wang sendiri bagi pemindahan dan pembinaan petempatan baharu. Mereka juga dikatakan tidak mempunyai hak ke atas tanah tersebut. Oleh itu, akibat desakan rasa ketidakpuasan hati daripada penerimaan wang pampasan yang sedikit itu telah menuntut Orang Asli untuk membawa kes tersebut ke mahkamah untuk tindakan lanjut. Namun, nilai pampasan yang diberikan adalah secara rawak mengikut nilai semsa dan untuk kos kediaman adalah antara RM20000 hingga RM40000 serta tanaman juga turut dinilai. Akan tetapi, pampasan tersebut adalah bergantung kepada budi bicara pihak mahkamah dan Kerajaan Negeri.

Mohd Izzudin Ramli (2010), menyatakan faktor pemilikan tanah dalam kalangan Orang Asli turut didorong oleh isu pembangunan yang berkaitan dengan status tanah yang lebih jelas dikenali sebagai tanah adat ataupun tanah saka. Status tanah yang cuba dijelaskan kepada Orang Asli masih lagi samar-samar. Oleh itu, isu tanah yang wujud ini telah menyukarkan usaha untuk membangunkan tanah saka bagi tujuan mempertingkatkan dan memajukan taraf hidup masyarakat minoriti Orang Asli. Keadaan ini secara tidak langsung

turut menjejaskan adat resam serta budaya kerana aspek kehidupan mereka ini sangat berkait rapat dengan tanah dan ekologi persekitaran. Hal ini jelas menunjukkan keperluan tanah bukan sahaja penting dalam aspek ekonomi tetapi juga aspek spiritual dan jati diri. Oleh itu, aspek ini dilihat tidak melindungi hak tanah mereka secara berkesan dan hak menduduki tanah yang diperuntukkan di bawah Akta 134 tidak memberi jaminan pemilikan tanah kepada Orang Asli dan ianya umpama “*tenant all will*” sahaja sehingga wujud tanggapan bahawa berlaku proses pembersihan etnik terhadap minoriti Orang Asli.

Pengetahuan ekologi tradisional dan budaya orang asli juga memberi pengaruh besar terhadap usaha untuk mereka menuntut dan membangkitkan hak yang lebih jelas berkenaan pemilikan tanah (Albert G. 2012). Situasi ini membawa kepada isu budaya dan ekologi yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli yang mempunyai interaksi yang baik bersama penghuni hutan di sekeliling mereka. Pembentukan budaya ini telah telah membentuk satu peradaban buat masyarakat Orang Asli dalam memelihara warisan tradisional seperti tarian dan tarian tersebut dianggap sebagai nilai ekosistem yang tidak dapat dilupakan kerana seni tarian yang dimiliki adalah meliputi unsur-unsur alam yang terdapat di sekitar petempatan mereka. Menurut IOM United Nation Migration (2018), menjelaskan bahawa Orang Asli Kemboja merupakan masyarakat minoriti yang secara asasnya hanya bergantung kepada hutan dan sumber semulajadi bagi memenuhi keperluan makanan dan kehidupan. Apabila berlaku perubahan yang pesat dalam ekonomi di Viet Nam, keadaan ini secara tidak langsung telah melemahkan keseimbangan ekologi dan menghapuskan kawalan masyarakat minoriti ke atas tanah dan kepentingan mereka terhadap sumber semulajadi. Jawatankuasa Kebangsaan Pengurusan Bencana Kemboja (NCDM, 2018) menjelaskan pengambilan tanah untuk tujuan pembalakan, pembinaan empangan merentas negara jiran dan perladangan telah mendedahkan masyarakat Orang Asli kepada pelbagai risiko berkaitan ekosistem.

Anthony (2005), dalam penulisannya mengenai kelemahan dan cadangan pindaan dalam Akta Orang Asli. Akta 134 ini sering kali dikritik dan beberapa cadangan pindaan telah di kemukakan antaranya ialah berkenaan Kawasan Orang Asli yang dilihat mempunyai banyak kelemahan. Antaranya ialah terdapat beberapa makna yang mengelirukan di dalam akta tersebut yang boleh dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mencabuli hak dan kepentingan Orang Asli. Selain itu, kandungan Akta 134 juga dilihat lebih bersifat mengawal Orang Asli dari aspek cara hidup, status dan masa depan Orang Asli. Beliau juga menyatakan bahawa perlindungan ke atas tanah Rizab Orang Asli boleh dibatalkan dengan mudah oleh Pinak Berkuasa Negeri sebagaimana yang termaktub di dalam Akta 134, walau bagaimanapun pembatalan hanya boleh dilakukan dengan persetujuan Kerajaan Persekutuan dan beliau turut menegaskan bahawa akta tersebut perlu digubal seiring dengan perkembangan semasa.

Menurut (SUHAKAM, 2013) pengambilan tanah Orang Asli di Malaysia sering berlaku akibat daripada pembangunan yang dijalankan di kawasan mereka melalui aktiviti pembalakan dan perladangan, kuiri, perlombongan dan juga pembinaan kawasan petempatan baharu. Selain itu, pengambilan tanah di kawasan Orang Asli juga berlaku bagi tujuan kegunaan umum seperti pembinaan lebuh raya, kawasan tadahan air, pewartaan sebagai rizab hutan, kawasan taman negara dan situasi ini sememangnya telah termaktub di dalam Akta Pengambilan Tanah 1960. Kesan daripada pengambilan tanah adat itu telah berlakunya konflik di antara Orang Asli dan juga Pihak Berkuasa Negeri kerana dasar tersebut dilihat telah mencabuli hak dan kepentingan Orang Asli dalam pemilikan tanah sekaligus turut mendesak dan menuntut hak yang lebih jelas berkenaan pemilikan tanah Orang Asli.

Kajian Zainal Zuhilmi Zainal Abidin dan Seow (2013), mendapati isu dan konflik pengambilan tanah serta sistem pengurusan undang-undang tanah Orang Asli menjadi faktor penentu yang mendorong kebangkitan Orang Asli untuk mendapatkan pemilikan yang lebih jelas berkenaan status tanah dalam kawasan lingkungan tempat tinggal Orang Asli. Situasi ini turut menjelaskan bahawa pembangunan tanah yang dijalankan oleh Kerajaan di Malaysia di kawasan Tanah Aborigin telah menyebabkan Orang Asli kehilangan tanah dan turut kehilangan sumber hutan untuk kehidupan seharian. Oleh hal yang demikian, keadaan ini terjadi kerana Orang Asli hanya dianggap sebagai penyewa yang telah diwasiatkan tanapa pemilikan hak yang jelas ke atas tanah tersebut. Daripada kronologi pengambilan tanah tersebut telah memperlihatkan kajian kes ke atas Adong bin Kawau yang telah mencabar Kerajaan Negeri Johor di Mahkamah pada tahun 1997 atas pengambilan tanah adat bagi tujuan pembinaan empangan sehingga mencapai satu keputusan yang seimbang dimana hak Orang Asli harus di hormati dan Kerajaan Negeri Johor harus membayar pampasan kepada masyarakat tersebut.

Maryati Mohamed et al. (2012), membincangkan tentang keperluan pemilikan tanah Orang Asli adalah didorong oleh faktor kelemahan pembangunan sosio-ekonomi. Hal ini dikatakan demikian kerana pembanguna yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dan pihak swasta seperti pewartaan Taman Negara dan Rancangan Pembangunan Semula (RPS) adalah tidak selari dengan tahap kesediaan dan persekitaran semasa dari aspek sosial dan moral. Malahan situasi ini turut dipengaruhi oleh peluang ekonomi seperti pemilikan tanah, peluang pekerjaan, pendidikan dan status, namun peluang-peluang yang diberikan jelas tidak seimbang dan tidak mencukupi bagi menampung keperluan Orang Asli. Oleh itu, Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) telah meneliti semula garis panduan yang sewajarnya bagi meningkatkan taraf sosioekonomi kerana kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli begitu ketara sehingga timbul desakan untuk membasmi kemiskinan dengan lebih holistik dalam memperjuangkan pemilikan tanah pribumi Orang Asli.

Selain itu keluhan dan rungutan tentang kehendak Orang Asli untuk memiliki tanah secara hak persendirian juga diberikan perhatian dalam pembangunan (Ismail Omar 2018). Hal ini demikian kerana masyarakat Orang Asli menganggap tanah adalah sebahagian daripada kehidupan mereka sehingga situasi ini menjadi faktor yang mendorong Orang Asli untuk memiliki tanah kerana mereka masih mengamalkan budaya setempat dengan melakukan aktiviti bercucuk tanam bagi meneruskan kelangsungan hidup. Nilai pembagunan yang cuba diterapkan dalam kehidupan minoriti ini telah mengubah dan mengganggu cara hidup mereka sehingga menimbulkan konflik dalam masyarakat ini malahan konflik tersebut diambil sebagai satu peluang untuk menuntut hak yang lebih jelas ke atas pemilikan tanah. Ini kerana Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) pindaan 1974 yang membenarkan kawasan rayau bagi mencari makan dan penempatan dilihat sebagai satu akta yang telah menafikan hak Orang Asli untuk memiliki tanah secara peribadi.

Sehubungan itu, pemboleh ubah sosial bagi masyarakat Orang Asli merupakan satu pendekatan yang diambil oleh masyarakat minoriti ini bagi melindungi hak dan kepentingan mereka dari aspek keperluan tanah yang semakin mendesak berkait rapat dengan adat resam dan budaya (Nurul Huda Zainal Abidin et al. 2016). Justeru itu, penglibatan dan sokongan sosial dalam setiap aktiviti keramaian Orang Asli seolah-olah dapat mengembalikan semangat baru kepada masyarakat tersebut. Oleh itu, tindakan yang holistik telah diambil antaranya ialah berusaha membangunkan diri, mengenalpasti masalah dan keperluan, dan selanjutnya berusaha untuk menangani masalah serta bangkit dalam mendapatkan hak keperluan yang sewajarnya. Ini bertepatan dengan kajian oleh Madeline et al. (2016),

mendapati keseimbangan ekosistem hutan dan amalan tradisional yang mampan merupakan faktor yang mendorong kepada pemilikan tanah. Hal ini kerana pertikaian ke atas tanah adat semakin kritikal dan pengiktirafan hak Orang Asli terhadap penggunaan tanah, harta benda, amalan adat, budaya dan kepercayaan tradisional sering kali disangkal. Selain itu, Henry Luyan et al. (2016), juga mendapati tanah adat mempunyai nilai estetika, kawasan perkuburan dan tempat mencari makanan serta mempunyai hubungan spiritual yang kuat. Situasi ini turut menjelaskan bahawa pengambilan dan pembangunan ke atas tanah adat akan mempengaruhi kehidupan penghuni tanah tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana sudah menjadi tanggungjawab mereka untuk menjaga keadaan tanah, tumbuh-tumbuhan dan haiwan kerana ini menggambarkan identiti mereka yang sebenar sebagai Orang Asal sekaligus membolehkan generasi akan datang menikmati sumber serta budaya yang diwarisi.

Pencerobohan tanah rizab Orang Asli kerana kawasan tersebut tidak diwartakan telah menjadi faktor keperluan untuk memiliki tanah dalam kalangan masyarakat Orang Asli (Anwar Patho Rahman & Luqman Arif 2017)., Daripada situasi yang berlaku, kerajaan negeri telah mengambil pendekatan awal dengan mengenalpasti 132,631.04 hektar tanah rizab yang merangkumi kawasan kebun dan perumahan untuk diwartakan bagi menjamin masa depan masyarakat Orang Asli. Dalam konteks pewartaan tanah rizab Orang Asli yang berpunca daripada aktiviti pencerobohan, terdapat tiga pendekatan telah diambil iaitu menerusi elemen prasarana asas, pemacuan ekonomi, dan melonjakkan taraf sosioekonomi dengan menggalakkan Orang Asli menceburkan diri dalam aktiviti perusahaan getah dan sawit diaman masing-masing akan dibantu dan dipantau oleh agensi Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemilahan Tanah Persekutuan (FELCRA). Strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri ini dilihat terus mendorong masyarakat Orang Asli untuk memiliki tanah. Disamping itu menjelaskan kegagalan kerajaan negeri dalam menguruskan tanah adat telah menjadi pemangkin terhadap pemilikan tanah. Hal ini kerana pencerobohan tersebut telah membabitkan kawasan rayau Orang Asli dan masyarakat tersebut merasakan kehidupan mereka semakin terjejas dan turut mengalami kemusnahan. Pertikaian yang berlaku telah mendesak Orang Asli untuk menuntut hak tanah adat supaya petempatan mereka tidak lagi di ancam kemusnahan (Nor Fazlina Abdul Rahim 2019).

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan (*survey research*). Kaedah ini digunakan untuk mengenalpasti faktor yang mendorong keperluan pemilikan tanah dan tahap penerimaan Orang Asli terhadap pemilikan tanah bergeran. Sampel kajian yang dipilih adalah terdiri daripada masyarakat Orang Asli yang tinggal di sekitar Kg. Jenderam Hilir dan Kampung Sungai Buah, Sepang. Seramai 60 orang penduduk Orang Asli akan dijadikan sebagai responden kajian. Pengkaji telah memilih teknik persampelan “*Convenience*” untuk mengedarkan soal selidik. Teknik ini dipilih bagi memudahkan proses mendapatkan data dimana individu yang terpilih bersesuaian, mudah diperolehi, sukarela dan boleh memberi kerjasama. Pengkaji telah memilih untuk mengedarkan borang selidik kepada masyarakat Orang Asli yang terpilih yang tinggal di Kg. Jenderam Hilir dan Kg. Sungai Buah.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada satu set soal selidik yang dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, dan Bahagian C. Bahagian A : Mengandungi soalan berkaitan maklumat latar belakang responden.

Bahagian B : Mengandungi soalan berkaitan faktor yang mendorong keperluan pemilikan tanah.

Bahagian C : Mengandungi soalan berkaitan tahap penerimaan Orang Asli terhadap pemilikan tanah bergeran.

Dalam kajian ini, skala pengukuran yang digunakan dalam bahagian B dan bahagian C adalah jenis skala likert yang terdiri daripada lima skor utama iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) tidak pasti, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Responden diarahkan untuk menandakan (/) di dalam salah satu daripada kotak yang disediakan mengikut skala berkenaan.

Jadual 1: Skor skala likert bagi bahagian B, dan bahagian C

Skala Likert	Skor
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Tidak Pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

Interprestasi skor min bagi kajian ini menggunakan sumber dari Rosmawati (2014)

Jadual 2: Penilaian skor min dan interprestasi

Julat Skor Min	Tahap
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Rosmawati Rasit, (2014)

HASIL KAJIAN

Bahagian ini bertujuan untuk menjelaskan dengan lebih terperinci tentang tahap penerimaan Orang Asli terhadap pemilikan tanah berstatus geran. Aspek yang diteliti berkenaan dengan penerimaan merangkumi faktor sosiobudaya, persekitaran, ekonomi dan identiti.

Sosiobudaya

Jadual 3 menunjukkan tahap penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap pemilikan tanah bergeran dari aspek sosiobudaya. Nilai min yang paling tinggi bagi aspek ini adalah bagi pernyataan “Wujud semangat keaslian dan kekitaan yang membentuk budaya warisan” iaitu 4.33. Tahap penerimaan terhadap aspek tersebut adalah tinggi iaitu seramai 46% responden (27 orang) memilih sangat setuju bagi pernyataan tersebut. Manakala terdapat seramai 43.3% responden (26 orang) bersetuju dan seramai 11.7% (7 orang) memilih tidak pasti bagi pernyataan tersebut. Hal ini demikian kerana Orang Asli hidup secara muafakat dalam membentuk semangat perkauman bagi mengekalkan budaya dan warisan. Menurut Nurul Huda Zainal Abidin et al. (2016) menjelaskan semangat keaslian merupakan sebuah elemen yang berkait rapat dengan adat resam dan budaya. Justeru, penglibatan dan sokongan sosial dalam setiap aktiviti keramaian Orang Asli dilihat seakan dapat mengembalikan semangat

baru kepada masyarakat tersebut bagi melindungi hak dan kepentingan mereka dari aspek keperluan tanah yang semakin mendesak.

Jadual 3: Sosiobudaya

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	SP	Min	Interprestasi
Dapat mengekalkan tradisi dan budaya masyarakat Orang Asli.	0 (0.0)	3 (5.0)	5 (8.3)	22 (36.7)	30 (50.0)	0.833	4.31	Tinggi
Membantu memupuk keseimbangan ekosistem khazanah warisan Orang Asli.	0 (0.0)	0 (0.0)	15 (25.0)	25 (41.7)	20 (33.3)	0.765	4.08	Tinggi
Pengekalan status tanah adat bagi membentuk jati diri dan budaya.	0 (0.0)	2 (3.3)	5 (8.3)	19 (31.7)	34 (56.7)	0.878	4.41	Tinggi
Pembentukan budaya dapat memelihara warisan tradisional Orang Asli.	0 (0.0)	0 (0.0)	10 (16.7)	31 (51.7)	19 (31.7)	0.684	4.15	Tinggi
Adat resam dan budaya adalah berkait rapat dengan tanah.	0 (0.0)	0 (0.0)	11 (18.3)	22 (36.7)	27 (45.0)	0.756	4.26	Tinggi
Pengiktirafan hak milik tanah akan membentuk keseimbangan pembagunan dan budaya.	0 (0.0)	0 (0.0)	13 (21.7)	28 (46.7)	19 (31.7)	0.729	4.10	Tinggi
Mengekalkan keseimbangan budaya dan pengetahuan tradisi Wujud semangat keaslian dan kekitaan yang membentuk budaya warisan.	0 (0.0)	0 (0.0)	12 (20.0)	26 (43.3)	22 (36.7)	0.740	4.16	Tinggi
Pengekalan aktiviti keramaian membentuk semangat baru dalam kalangan masyarakat.	0 (0.0)	0 (0.0)	7 (11.7)	26 (43.3)	27 (46.0)	0.680	4.33	Tinggi
Pengiktirafan hak Orang Asli terhadap penggunaan tanah, harta benda, adat, kepercayaan dan amalan tradisional sering disangkal.	0 (0.0)	0 (0.0)	12 (20.0)	24 (40.0)	24 (40.0)	0.754	4.20	Tinggi
Pengiktirafan hak Orang Asli terhadap penggunaan tanah, harta benda, adat, kepercayaan dan amalan tradisional sering disangkal.	0 (0.0)	0 (0.0)	14 (23.3)	28 (46.7)	18 (30.0)	0.733	4.06	Tinggi

Seterusnya, nilai min yang paling rendah adalah bagi pernyataan "Pengiktirafan hak Orang Asli terhadap penggunaan tanah, harta benda, adat, kepercayaan dan amalan tradisional sering disangkal" iaitu 4.06. Tahap penerimaan terhadap aspek tersebut juga adalah tinggi iaitu seramai 30% responden (18 orang) memilih sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala, terdapat seramai 46.7% responden (28 orang) memilih bersetuju dan 23.3% responden (14 orang) memilih tidak pasti bagi pernyataan tersebut. Hal ini demikian kerana, masyarakat Orang Asli merupakan sebuah kelompok minoriti yang tidak mempunyai hak yang jelas dan mereka sentiasa rasa terpinggir dari arus pembangunan. Menurut Madeline Henry Luyan, Gaim James Lunkapis (2016), mendapati pengiktirafan hak Orang Asli terhadap penggunaan tanah sering kali disangkal. Hal ini demikian kerana berlaku pengambilan tanah adat bagi tujuan pembangunan sehingga mengganggu kawasan perkuburan yang mempunyai hubungan spiritual yang kuat bagi masyarakat Orang Asli. Justeru, situasi ini turut menjelaskan bahawa pengambilan dan pembangunan tanah adat akan mempengaruhi kehidupan penghuni tanah tersebut.

Secara keseluruhan, hasil analisis berdasarkan tahap penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap pemilikan tanah bergeran dari aspek sosiobudaya adalah tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana Orang Asli pada masa kini sudah mula sedar kepentingan pemilikan tanah bagi mengekalkan budaya dan warisan. Walaupun pada dasarnya budaya tersebut kurang diamalkan dalam masyarakat Asli moden. Pengaruh spiritual dari aspek sosiobudaya telah membangkitkan kembali semangat keaslian yang membawa kepada perjuangan untuk mempertahankan tanah saka daripada sebarang bentuk pencerobohan. Di samping itu, diskriminasi yang berlaku dalam pengiktirafan hak Orang Asli terhadap penggunaan tanah, harta benda, adat kepercayaan dan amalan tradisional tidak sesekali melunturkan semangat masyarakat primitif ini dalam memperjuangkan hak tanah adat. Masyarakat ini sudah memiliki tahap pengetahuan yang baik berkenaan hak tanah yang sewajarnya mereka ketahuai walaupun tanah tersebut masih bersifat samar-samar untuk dimiliki.

Persekitaran

Jadual 4 menunjukkan tahap penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap pemilikan tanah bergeran dari aspek persekitaran. Nilai min yang paling tinggi bagi aspek ini adalah bagi pernyataan "Pencerobohan yang memaksa perpindahan ke tempat baru" iaitu 4.66. Tahap penerimaan bagi aspek tersebut adalah tinggi. Seramai 73.3% responden (44 orang) memilih sangat setuju bagi pernyataan tersebut. Manakala terdapat seramai 20% responden (12 orang) bersetuju dan seramai 6.7% responden (4 orang) memilih tidak pasti bagi pernyataan tersebut. Apabila berlaku proses pengambilan tanah, kerajaan atau pemaju akan memindahkan Orang Asli ke tempat baru yang lebih selamat kerana kawasan tersebut tidak lagi sesuai untuk dihuni oleh Orang Asli. Menurut (JAKOASM, 2016) wilayah tanah adat Orang Asli sering berhadapan dengan kemelut pewartaan hutan bagi tujuan pengeluaran pembalakan, perlindungan alam dan hidupan liar yang mengakibatkan terhakisnya hak tanah adat. Justeru itu, situasi ini mengakibatkan Orang Asli diancam proses pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri bagi pelbagai tujuan termasuklah untuk pembinaan prasarana, empangan dan lebuhraya. Keadaan ini secara tidak langsung telah memaksa Orang Asli untuk melakukan perpindahan ke tempat baru sebagai ganti kawasan mereka yang telah diambil bagi tujuan berkenaan.

Jadual 4. Persekitaran

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	SP	Min	Interprestasi
Jumlah populasi Orang Asli adalah semakin meningkat	0 (0.0)	0 (0.0)	17 (28.3)	9 (15.0)	34 (56.7)	0.884	4.28	Tinggi
Mengubah tanggapan yang menyatakan Orang Asli sebagai “penyewa”	0 (0.0)	0 (0.0)	13 (21.7)	16 (26.7)	31 (51.7)	0.808	4.30	Tinggi
Nilai pembangunan moden mengubah cara hidup Orang Asli.	0 (0.0)	0 (0.0)	5 (8.3)	17 (28.3)	38 (63.3)	0.648	4.55	Tinggi
Memupuk ekologi persekitaran yang lebih baik	0 (0.0)	0 (0.0)	9 (15.0)	19 (31.7)	32 (53.3)	0.738	4.38	Tinggi
Tahap pengetahuan masyarakat berkenaan hak tanah ialah lemah.	0 (0.0)	3 (5.0)	11 (18.3)	21 (35.0)	25 (41.7)	0.891	4.13	Tinggi
Terpinggir dari arus pembagunan	0 (0.0)	0 (0.0)	7 (11.7)	18 (30.0)	35 (58.3)	0.700	4.46	Tinggi
Berlaku kemusnahan ekologi persekitaran dan sumber semilajadi.	0 (0.0)	0 (0.0)	12 (20.0)	16 (26.7)	32 (53.3)	0.795	4.33	Tinggi
Pencerobohan yang memaksa perpindahan ke tempat baru.	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (6.7)	12 (20.0)	44 (73.3)	0.601	4.66	Tinggi
Ekologi tradisional dan budaya mempunyai pengaruh besar terhadap pemeliharaan ekosistem.	0 (0.0)	0 (0.0)	13 (21.7)	16 (26.7)	31 (51.7)	0.808	4.30	Tinggi
Perubahan ekosistem menghapuskan kepentingan masyarakat terhadap sumber semulajadi.	0 (0.0)	0 (0.0)	15 (25.0)	14 (23.3)	31 (51.7)	0.814	4.26	Tinggi

Seterusnya, nilai min yang paling rendah adalah bagi pernyataan “Tahap pengetahuan Orang Asli berkenaan hak tanah ialah lemah” iaitu 4.13. Seramai 41.7% responden (25 orang) memilih sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala, terdapat seramai 35% responden (21 orang) memilih bersetuju dan 18.3% responden (11 orang) memilih tidak pasti bagi pernyataan tersebut serta terdapat 5% responden (3 orang) memilih tidak setuju bagi pernyataan tersebut. Seperti yang diketahui umum, masyarakat Orang Asli kurang mementingkan aspek pendidikan formal iaitu pendidikan di sekolah. Keadaan tersebut menjadikan tahap pengetahuan Orang Asli berkenaan hak tanah adalah terbatas. Orang Asli hanya mengetahui, bahawa tanah yang sedang mereka duduki adalah tanah warisan tinggalan nenek moyang tanpa mereka ketahui akan kewujudan Akta dan Undang-undang tanah yang sedia ada dalam menjamin hak tanah Orang Asli. Dalam konteks kajian oleh Vijeyasari dan Mazliza Mohamad (2017), menjelaskan penyingkiran hak dan penafian budaya berlaku akibat lemahnya pengetahuan Orang Asli berkaitan hak tanah. Justeru, pengkaji juga menyeru agar kerajaan meminda kembali Akta Tanah 134 supaya masyarakat ini lebih jelas berkenaan hak terhadap tanah adat dan menjelaskan dengan lebih terperinci berkenaan kandungan yang terdapat di dalam Akta Tanah 134.

Secara keseluruhan, tahap penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap pemilikan tanah bergeran dari aspek persekitaran adalah tinggi. Orang Asli membantah aktiviti pencerobohan kerana perkara tersebut memaksa mereka meninggalkan tanah adat dan berpindah ke tempat baru. Keadaan tersebut menjadikan mereka kehilangan tempat tinggal dan kawasan rayau. Pengambilan tanah terjadi kerana masyarakat Orang Asli kurang pengetahuan berkenaan hak tanah adat. Keadaan ini telah mendorong masyarakat ini untuk mendapatkan pengetahuan yang sewajarnya berkenaan hak tanah agar mereka dapat memperjuangkan hak tersebut melalui saluran yang betul.

Ekonomi

Jadual 5 menunjukkan tahap penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap pemilikan tanah bergeran dari aspek ekonomi. Nilai min yang paling tinggi bagi aspek ini adalah bagi pernyataan “Sumber tanah semakin terhad dan berharga” iaitu 4.80. Tahap penerimaan bagi aspek ini adalah tinggi. Seramai 80% responden (48 orang) memilih sangat setuju bagi pernyataan tersebut. Manakala terdapat seramai 20% responden (12 orang) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Setelah berdepan dengan pelabagi pengalaman berkaitan pencerobohan tanah, Orang Asli sudah mula menyedari akan nilai tanah yang semakin terhad dan berharga. Justeru, mereka membangkang sekerasnya aktiviti pencerobohan kerana dibimbangi hak tanah yang perlu diwariskan kepada generasi baru akan terhakis dan lenyap. Menurut Zainal Zulhilmilmi (2015), menjelaskan bahawa kepentingan tanah menjadi sumber utama bagi semua hidupan dalam konteks perlindungan, sumber makanan dan air telah menjadi faktor pendorong kepada pemilikan tanah dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Keadaan ini sekaligus memberi gambaran bahawa masyarakat ini semakin peka akan nilai dan sumber tanah yang semakin terhad dan berharga untuk dimiliki.

Jadual 5: Ekonomi

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	SP	Min	Interprestasi
Sumber tanah semakin terhad dan berharga	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	12 (20.0)	48 (80.0)	0.403	4.80	Tinggi
Kemiskinan	0	4	12	13	31	0.982	4.18	Tinggi

dalam kalangan masyarakat Orang Asli.	(0.0)	(6.7)	(20.0)	(21.7)	(51.7)			
Bersedia untuk memacu pertumbuhan ekonomi melalui sektor pertanian.	0 (0.0)	0 (0.0)	10 (16.7)	16 (26.7)	34 (56.7)	0.763	4.40	Tinggi
Pencerobohan tanah telah menjejaskan ekonomi Orang Asli.	0 (0.0)	1 (1.7)	15 (25.0)	13 (21.7)	31 (51.7)	0.889	4.23	Tinggi
Taraf hidup masyarakat Orang Asli adalah rendah.	0 (0.0)	1 (1.7)	21 (35.0)	9 (15.0)	29 (48.0)	0.951	4.10	Tinggi
Berlaku eksploitasi dalam aktiviti pembalakan, kuir dan pembinaan kawasan perumahan mencetuskan kebimbangan.	0 (0.0)	0 (0.0)	12 (20.0)	18 (30.0)	30 (50.0)	0.787	4.30	Tinggi
Tanah menjadi sumber utama membekalkan makanan dan air.	0 (0.0)	0 (0.0)	14 (23.3)	23 (38.0)	23 (38.0)	0.777	4.15	Tinggi
Stauts tanah yang tidak jelas melemahkan taraf hidup Orang Asli.	0 (0.0)	1 (1.7)	16 (26.0)	18 (30.0)	25 (41.7)	0.865	4.11	Tinggi
Kegiatan tradisioanl seperti memburu dan memanfaatkan sumber hutan semakin terjejas.	0 (0.0)	6 (10.0)	27 (45.0)	12 (20.0)	15 (25.0)	0.977	4.60	Tinggi
Mempunyai kebergantungan terhadap hutan dan sumber semulajadi.	0 (0.0)	8 (13.0)	37 (61.7)	5 (8.3)	10 (16.7)	0.903	4.28	Tinggi

Seterusnya, nilai min yang paling rendah adalah bagi pernyataan “Taraf hidup masyarakat Orang Asli adalah rendah” iaitu 4.10. Tahap penerimaan masyarakat terhadap aspek berkenaan adalah tinggi. Seramai 48% responden (29 orang) memilih sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala, terdapat seramai 15% responden (9 orang) memilih bersetuju dan 35% (21 orang) memilih tidak pasti bagi pernyataan tersebut serta terdapat 1.7% (1 orang) yang memilih tidak setuju bagi pernyataan tersebut. Taraf hidup masyarakat Orang Asli dilihat rendah kerana mereka tidak mempunyai pendapatan yang tetap.

Kebanyakan daripada mereka hanya bekerja sendiri dan mengambil upah mengusahakan ladang kelapa sawit. Manakala golongan wanita tidak membatu dalam menjana ekonomi isi rumah Orang Asli sekaligus menjadikan taraf hidup Orang Asli dilihat rendah. Walaupun banyak peluang pekerjaan yang disediakan, namun Orang Asli merasa terasing untuk bekerja bersama-sama dengan masyarakat biasa. Menurut Maryati Mohamed et al. (2012), keperluan pemilikan tanah Orang Asli adalah didorong oleh faktor kelemahan dalam pembangunan sosioekonomi. Hal ini demikian kerana pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dan pihak swasta jelas tidak seimbang. Justeru Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah meneliti semula garis paduan yang sewajarnya bagi meningkatkan taraf sosioekonomi kerana kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli begitu ketara sehingga timbul desakan untuk membasmi kemiskinan yang lebih holistik dalam memperjuangkan tanah pribumi Orang Asli.

Secara keseluruhan, hasil analisis berdasarkan tahap penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap pemilikan tanah bergeran dari aspek ekonomi adalah tinggi. Wujud elemen sumber tanah yang semakin terhad dan berharga. Hal ini demikian kerana, tanah dilihat sebagai satu aset yang penting untuk dimiliki dan diwarisi. Di samping itu, dengan adanya pemilikan yang jelas berkenaan hak tanah, ianya dapat membangunkan tanah tersebut bagi memastikan ekonomi Orang Asli selari dengan tahap pembangunan yang sewajarnya. Situasi ini juga dapat mengubah taraf hidup Orang Asli kepada kehidupan yang lebih baik. Justeru itu, dapat dijelaskan bahawa Orang Asli memerlukan tanah dan kawasan rayau bagi menggambarkan kehidupan sebagai minoriti Orang Asli dalam melakukan aktiviti-aktiviti yang dapat menjana ekonomi seperti meneruskan aktiviti perladangan kelapa sawit dan getah di bawah bimbingan (RISDA) seperti mana yang sedia ada pada ketika ini.

Identiti

Jadual 6 menunjukkan tahap penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap pemilikan tanah bergeran dari aspek identiti. Nilai min yang paling tinggi adalah bagi pernyataan “Tanah saka adalah warisan tinggalan nenek moyang Orang Asli dan simbolik kepada identiti leluhur” iaitu 4.38. Tahap penerimaan bagi aspek tersebut adalah tinggi. Seramai 50% responden (30 orang) memilih sangat setuju bagi pernyataan tersebut. Manakala terdapat seramai 28.3% responden (23 orang) bersetuju dan seramai 11.7% responden (7 orang) memilih tidak pasti bagi pernyataan tersebut. Orang Asli menjaga tanah saka daripada sebarang bentuk pencerobohan kerana tanah tersebut adalah warisan yang melambangkan identiti sebenar sebagai Orang Asli dan tanah tersebut menjadi sumber sampingan dalam aktiviti bercucuk tanam. Menurut Hamimah Hamzah (2013), wujud matlamat yang sama dalam masyarakat Orang Asli iaitu untuk memiliki tanah bagi meneruskan aktiviti bercucuk tanam dan berburu. Walaupun pada zahirnya masyarakat Orang Asli tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber tanah, akan tetapi minoriti ini lebih memperjuangkan tanah tersebut sebagai salah satu warisan tinggalan nenek moyang yang dilihat sebagai satu simbolik kepada kehidupan mereka.

Jadual 6: Identiti

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	SP	Min	Interprestasi
Identiti Orang Asli terhakis kerana petempatan dimusnahkan oleh	0 (0.0)	0 (0.0)	12 (20.0)	24 (40.0)	24 (40.0)	0.754	4.20	Tinggi

aktiviti pencerobohan.									
Identiti budaya telah membentuk peradaban asli seperti (cth:tarian yang menerapkan unsur alam)	0 (0.0)	2 (3.3)	13 (21.7)	17 (28.3)	28 (46.7)	0.892	4.18	Tinggi	
Memelihara warisan tradisional dapat membentuk identiti.	0 (0.0)	1 (1.7)	6 (10.0)	23 (38.0)	30 (50.0)	0.735	4.36	Tinggi	
Tanah adat Orang Asli melambangkan kehidupan dan jati diri.	0 (0.0)	0 (0.0)	12 (20.0)	13 (21.7)	35 (58.3)	0.809	4.38	Tinggi	
Tanah saka adalah warisan tinggalan nenek moyang Orang Asli dan simbolik kepada identiti leluhur.	0 (0.0)	0 (0.0)	7 (11.7)	23 (38.3)	30 (50.0)	0.691	4.38	Tinggi	
Orang Asli dianggap sebagai penjaga kepada tanah adat.	0 (0.0)	0 (0.0)	15 (25.0)	18 (30.0)	27 (45.0)	0.819	4.20	Tinggi	
Pengambilan tanah adat menghakis identiti Orang Asli.	0 (0.0)	0 (0.0)	5 (8.3)	28 (46.7)	27 (45.0)	0.636	4.36	Tinggi	
Mengamalkan budaya setempat seperti bercucuk tanam bagi meneruskan kelangsungan hidup.	0 (0.0)	7 (11.7)	22 (36.7)	11 (18.3)	20 (33.3)	1.055	3.73	Sederhana Tinggi	
Mengekalkan keseimbangan ekosistem hutan dan amalan tradisional.	0 (0.0)	0 (0.0)	14 (23.3)	20 (33.3)	26 (43.3)	0.798	4.20	Tinggi	
Tanah, tumbuhan dan haiwan menggambarkan identiti sebenar Orang Asli untuk diwariskan kepada generasi seterusnya.	0 (0.0)	1 (1.7)	13 (21.7)	11 (18.3)	35 (58.3)	0.876	4.33	Tinggi	

Jadual 6 menunjukkan tahap penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap pemilikan tanah bergeran dari aspek identiti. Nilai min yang paling tinggi adalah bagi pernyataan “Tanah saka adalah warisan tinggalan nenek moyang Orang Asli dan simbolik kepada identiti leluhur” iaitu 4.38. Tahap penerimaan bagi aspek tersebut adalah tinggi. Seramai 50%

responden (30 orang) memilih sangat setuju bagi pernyataan tersebut. Manakala terdapat seramai 28.3% responden (23 orang) bersetuju dan seramai 11.7% responden (7 orang) memilih tidak pasti bagi pernyataan tersebut. Orang Asli menjaga tanah saka daripada sebarang bentuk pencerobohan kerana tanah tersebut adalah warisan yang melambangkan identiti sebenar sebagai Orang Asli dan tanah tersebut menjadi sumber sampingan dalam aktiviti bercucuk tanam. Menurut Hamimah Hamzah (2013), wujud matlamat yang sama dalam masyarakat Orang Asli iaitu untuk memiliki tanah bagi meneruskan aktiviti bercucuk tanam dan berburu. Walaupun pada zahirnya masyarakat Orang Asli tidak bergantung sepenuhnya kepada sumber tanah, akan tetapi minoriti ini lebih memperjuangkan tanah tersebut sebagai salah satu warisan tinggalan nenek moyang yang dilihat sebagai satu simbolik kepada kehidupan mereka.

Seterusnya, nilai min yang paling rendah adalah bagi pernyataan “Mengamalkan budaya setempat seperti bercucuk tanam bagi meneruskan kelangsungan hidup” iaitu 3.73. Tahap penerimaan bagi aspek tersebut adalah sederhana tinggi. Seramai 33.3% responden (20 orang) memilih sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala, terdapat seramai 18.3% (11 orang) memilih bersetuju dan 36.7% responden (22 orang) memilih tidak pasti bagi pernyataan tersebut serta terdapat 11.7% responden (7 orang) memilih tidak setuju bagi pernyataan tersebut. Hal ini kerana, aktiviti bercucuk tanam dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah sebagai memenuhi masa terluang dan hasil tersebut hanya menjadi sumber sampingan. Oleh itu, tanah diperlukan bagi memastikan sumber tersebut terus terpelihara. Menurut Ismail Omar (2018), terdapat keluhan dan rungutan tentang kehendak Orang Asli untuk memiliki tanah secara hak persendirian. Hal ini dikatakan demikian kerana Orang Asli menganggap tanah adalah sebahagian daripada kehidupan mereka sehingga situasi ini menjadi faktor yang mendorong Orang Asli untuk memiliki tanah kerana mereka masih mengamalkan budaya setempat dengan melakukan aktiviti bercucuk tanam bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Secara keseluruhan, berdasarkan tahap penerimaan masyarakat Orang Asli terhadap pemilikan tanah bergeran dari aspek identiti adalah tinggi. Hal ini kerana pengaruh spiritual yang kuat telah membentuk identiti Orang Asli sebagai penghuni hutan serta penjaga kepada tanah adat. Kehilangan tanah adat akan melunturkan identiti dan jati diri sebagai kaum minoriti. Justeru, masyarakat Orang Asli memerlukan hak pemilikan tanah adat yang lebih jelas agar identiti mereka terus terpelihara tanpa diganggu-gugat oleh mana-mana pihak.

KESIMPULAN

Kepentingan tanah menjadi sumber utama bagi semua hidupan dalam konteks perlindungan, sumber makanan dan air sekaligus memberi gambaran bahawa masyarakat ini semakin peka terhadap nilai dan sumber tanah yang semakin terhad dan berhaga. Di samping itu, dengan adanya pemilikan yang jelas berkenaan hak tanah, ianya dapat membangunkan tanah tersebut bagi memastikan ekonomi Orang Asli selari dengan tahap pembangunan yang sewajarnya. Situasi ini juga dapat mengubah taraf hidup Orang Asli kepada kehidupan yang lebih baik. Justeru itu, dapat dijelaskan bahawa Orang Asli memerlukan tanah dan kawasan rayau bagi menggambarkan kehidupan sebagai minoriti Orang Asli dalam melakukan aktiviti-aktiviti yang dapat menjana ekonomi sampingan. Keadaan ini menjelaskan wujudnya pelbagai faktor yang mendorong Orang Asli untuk memiliki tanah dan faktor tersebut adalah didorong oleh kerakusan dalam sektor pembangunan yang jelas memperlihatkan hak tanah Orang Asli sering kali dipertaruhkan untuk tujuan pembangunan. Oleh yang demikian adalah tidak

menghairankan jika tahap penerimaan mereka terhadap tanah bergeran adalah tinggi. Walau bagaimanapun orang Asli masih memerlukan pemahaman dan penelitian yang lebih terperinci berkenaan pemberi milikan tanah bergeran. Agar pemberimilikan tersebut adalah tanpa sebarang unsur yang dimanipulasi dan ianya haruslah diterima secara sebulat suara. Tambahan pula pemberimilikan tanah bergeran dipersetujui kerana dapat menjamin masa depan Orang Asli sebagai kaum minoriti terutamanya dari aspek ekonomi dalam usaha memajukan taraf hidup Orang Asli.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Geran Universiti Penyelidikan (GUP 2020-059) yang telah membantu kajian ini.

RUJUKAN

- Anthony W. H. (2005). Akta Orang Asli (Akta 134): Kelemahan & Pelepasan Simpanan.
- Catanzaro P., 2016. Understanding Family Forest Land Future Ownership and Use: Exploring Conservation Besquest Motivations.
- Colchester et al. (2001). Indigenous Land Tenure: Challenges and Possibilities.
- Dhaniah Ahmad Fadellah. (2019). Isu yang Timbul di Bawah Proses Pengambilan Tanah Orang Asli dan Orang Awam, Kajian Kes: Stulang Laut. Universiti Teknologi Malaysia.
- Faezah Kassim, Suraina Ahmad dan Zainab Ismail. (2017). Perubahan Amalan Budaya Masyarakat Orang Asli (Muslim): Satu Kajian Awal di Pos Pantos, Kuala Lipis, Pahang. *Proceeding The International Conference on Islam, Development and Social Hramony in Southeast Asia 2017*.
- Griffiths T dan Jean L. R. (2014). Indigenous People's Rights, Forests and Climate Policies in Guyana.
- Haliza Abdul Rahman. (2018). World View Masyarakat Orang Asli dan Pelestarian Alam Sekitar. Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM). Universiti Putra Malaysia.
- Hamimah Hamzah. (2013). The Orang Asli Customary Land: Issues and Challenges. *Journal of Administrative Science. Vol. 10*.
- IOM Maps Vulnerability of Cambodia's Indigenous People. Wikipedia, ensiklopedia bebas <https://www.iom.int/news/iom-maps-vulnerability-cambodias-indigenous-peopl> [18 Jun 2009].
- Kaji Status Tanah Rizab Melayu, Orang Asli. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/10/483628/kaji-status-tanah-rizab-melayu-orang-asli> [9 Oktober 2018].
- Kendall. (2007). Factor Influencing The Adaptive Re-use of Building. *Journal Engineering, Design and Technology. Vol. 9 (1)*.
- Madeline Henry Luyan, Gaim James Lunkapis. (2016). Konflik Hak Tanah Adat (Native Costumary Rights) Kampung Imahit, Tenom, Sabah. *Indigenous Land Rights Conflict (Native Costumary Rights) of Kampung Imahit, Tenom, Sabah. GEOGRAFI, 4 (1), 67-97*.

- Malaysiakini. (2014). Inkuiri: JAKOA Lemah Punca Kemelut Orang Asli. Kajian Politik Untuk Perubahan.
- Malaysiakini. (2018). Tanah Dituntut Orang Asli Milik Kerajaan Negeri.
- Mohd Izzudin Ramli. (2010). Orang Asli Di Malaysia: Konflik dan Masa Depan. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Hakimi Ahmad dan Norman Ismail (2018). Kesedaran Pendidikan dan Minat Kerja Pelajar Orang Asli Suku Kaum Jakun di Rompin, Pahang. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 14 (1): 72 - 68.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). Cabaran Integriti Antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan. *Jurnal Hadhari Bil. 3*: 61 - 84.
- Muhammad Fathi Yusof. (2016). Undang-Undang Tanah di Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraida Harun, Siti Aminah Sharif dan Jaafar Ali. (2011). Pengambilan Tanah Bagi Pembangunan Ekonomi: Isu dan Penyelesaian. *Land Acquisition for Economic Development: Issues and Solutions. Jurnal Undang-undang & Masyarakat*: 135 - 148.
- Noor 'Ashikin Zainuddin. (2013). The Orang Asli Profile in Peninsular Malaysia: Background & Challenges. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. Vol, 8: 2222 - 6990.
- Nor Azizah Mustapha, Ismail Omar dan Zainal abiding Zainal. (2019). Kepentingan Aspek Pengetahuan dan Kemahiran dalam Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli. *Al Hikmah 11(2)*: 20-36.
- Nurul Huda Zainal Abidin et al. (2016). Sokongan Sosial dan Pemahaman Kehidupan Orang Asal Perkampungan Sungai Lui, Jempol, Negeri Sembilan. *Jurnal Pengurusan Alilmu Pengetahuan (ALQIMAH) 1 (2)*: 12-2.
- Rosmawati Rasit. (2014). PPPY6283 Kaedah Penyelidikan Nota SPSS 2014. Salleh Buang. 2002. Persatuan Kebangsaan Pembeli Rumah.
- Seow Ta Wee, Maryati Mohamed, Mohd Nur Syufaat Bin Jamiran, Zainal Zulhilmi Bin Zainal Abidin, & Siti Aminah Binti Mohd Sam. (2013). Pembangunan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli Di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-4*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Siti Hajar Mohd Idris. (2018). Indigenous Tourism Ventures in Malaysia: Exploring its Potentials and Limitations. *Prizen Social Science Journal. Volume: 2 (3)*: 20-30
- SUHAKAM. (2012). Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.
- Tanah Dituntut Orang Asli Milik Kerajaan Negeri. Wikipedia, ensiklopedia bebas <https://www.malaysiakini.com/news/4384> [11Ogos 2018].
- Tonkinson R., (2007). Aboriginal 'Difference' and 'Autonomy' Then and Now: Four Decades of Change in a Western Desert Society. *Journal of Social Anthropology and Comparative Sociology*. 17(2): 15-25.
- UNCHR. (2013). *United Nations High Commissioner for Refugees*. State of the World's Minorities and Indigenous Peoples 2013 – Malaysia.
- UNCHR. (2018). *United Nations High Commissioner for Refugees*. Direktori Dunia Minoriti dan Orang Asal - Malaysia: Orang Asli. Kumpulan Hak Minoriti Antarabangsa.
- Warta Tanah Rizab Orang Asli Elak Pencerobohan – Ismail Sabri. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/warta-tanah-rizab-orang-asli-elak-pencerobohan-ismail-sabri-161435> [28 November 2017].

- Yin. (2009). Penerapan Metode Studi Kasus Yin Dalam Penelitian Arsitektur dan Perilaku. Universitas Muhammadiyah Jakarta. *INERSIA* 7(2): 34-44.
- Zainal Zulhilmi Zainal Abidin. (2015). Konflik Pengambilan Tanah Orang Asli: Kajian Kes di Johor dan Selangor. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

MAKLUMAT PENULIS

SITI AISHAH SUHANA MOHD NIZA

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Malaysia
aishahniza9702@gmail.com

AZIMA ABDUL MANAF (Corresponding author)

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Malaysia
azima@ukm.edu.my